

12/05/2000

Pemerhati luar negara kagum ucapan dasar

PEMERHATI yang mewakili parti politik dari luar negara menyifatkan ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 semalam sebagai satu kenyataan berani dan jujur.

Penasihat kepada Presiden Iraq dari Parti Sosialis Baath, Jasim Alvikabi, berkata apa yang dikatakan oleh Presiden Umno itu amat benar dan jujur.

"Apa yang beliau nyatakan adalah baik untuk kebanyakan kuasa politik negara-negara membangun dan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai sebuah negara merdeka," katanya ketika ditemui selepas perasmian perhimpunan itu, semalam.

Beliau yang adalah antara tetamu asing yang diundang menghadiri upacara perasmian itu berharap kehadirannya akan mengukuhkan lagi hubungan politik dan ekonomi antara Iraq dan Malaysia.

Pemerhati dari Bosnia, Hussein Zivalj, yakin Malaysia bersedia untuk menghadapi cabaran pada peringkat antarabangsa berdasarkan kejayaan kepemimpinan negara mengatasi krisis ekonomi.

"Saya amat positif dengan kebolehan Dr Mahathir kerana ini sudah terbukti dengan kejayaan beliau mengembalikan ekonomi Malaysia," katanya.

Ditanya mengenai sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini, Hussein berkata setiap negara mempunyai pendekatan yang berbeza berdasarkan pengertian mereka terhadap perkataan demokrasi itu sendiri.

"Demokrasi boleh memberi banyak pengertian tetapi dalam setiap pilihan raya, kita ada parti yang dipilih oleh rakyat untuk memimpin mereka dan ini adalah demokrasi," katanya.

Wakil Kongres Kebangsaan Sudan, Dr Mutaafi, berkata beliau kagum dengan keberanian Dr Mahathir membangkitkan isu-isu serius yang dihadapi oleh Umno dan orang Melayu.

Beliau yang hadir untuk kali kedua berkata, beliau terpesona dengan kemajuan pesat di negara ini di bawah kepemimpinan Dr Mahathir yang disifatkannya telah berjaya menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh Malaysia.

Nguon Nhel dari Parti Rakyat Kemboja pula berkata, beliau memandang tinggi keupayaan Umno dan pemimpin-pemimpinnya kerana mampu menjadikan Malaysia antara negara paling maju di rantau ini.

Seramai 40 wakil parti luar negara menjadi tetamu Umno pada perhimpunan kali ini.

Duta Cuba, Teresita Fernando, berkata ucapan itu boleh menjadi semangat kepada Bumiputera kerana Dr Mahathir memang ikhlas untuk membantu mereka.

Naib Pengerusi Parti Golkar dari Indonesia, Dr Abdul Ghafur berkata ucapan Presiden Umno itu membangkitkan semangat keMelayuan yang luar biasa.

Katanya, demokrasi yang dilaksanakan di negara ini sesuai dengan masyarakat Melayu di sini, sesuai dengan apa yang diperlukan oleh Malaysia demi kemajuan negara.

Mengenai ketegasan Dr Mahathir mengingatkan ahli Umno mengenai keburukan politik wang, Dr Abdul Ghafur berkata, amalan ini perlu diharamkan kerana ia akan merosakkan amalan demokrasi.

Ahli State Peace & Development Council (SPDC) Myanmar, U Than Aung berkata, ucapan Perdana Menteri menggalakkan ahli parti supaya berada di pihak yang benar.

Beliau berkata, kepemimpinan yang ditunjukkan oleh pemimpin negara ini

masih kukuh dan ini dibuktikan menerusi kejayaan negara ini mengadakan pilihan raya sejak 42 tahun lalu.

Bendahari African National Congress, Mendi Msimang berkata, beliau mengagumi kejujuran dan keberanian pemimpin negara ini menyuarakan masalah rasuah yang menjadi ancaman kepada keharmonian parti di Malaysia.

(END)